

APEC: Malaysia pandang berat

U.M. 15 NOV 1993

KUALA LUMPUR 18 Nov. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia memandang berat kemunculan forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) sebagai kumpulan elit yang enggan menerima keanggotaan negara-negara tertentu.

"Inilah yang kami bimbangkan selama ini, bahawa APEC muncul sebagai sebuah kumpulan elit," kata Dr. Mahathir.

Beliau menambah, Malaysia memandang berat kerana negara-negara seperti Mexico, Chile dan Papua New Guinea tidak diterima menganggotai fo-

rum tersebut sedangkan perkataan Pasifik digunakan dalam APEC.

"Sekiranya ia dipanggil APEC, dan perkataan Pasifik digunakan, maka semua orang di rantau Pasifik berhak menganggotainya," kata beliau dalam satu temu-ramah dengan majalah *Newsweek* keluaran 22 November.

Perdana Menteri adalah pemimpin tunggal di kalangan 15 anggota APEC yang tidak menghadiri mesyuarat ketua-ketua negara APEC di Seattle, Amerika Syarikat. Malaysia diwakili oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Paduka Rafidah Aziz.

Menurut Dr. Mahathir, sejak penubuhan APEC, Malaysia mahukan forum itu kekal sebagai sebuah pertubuhan tidak formal dan memberi tumpuan kepada projek-projek yang memberi manfaat kepada negara-negara anggota yang kurang membangun.

Bagaimanapun, kata beliau, APEC mencapai perkembangan pesat daripada konsep asalnya yang kabur menjadi forum yang formal, lengkap dengan sebuah sekretariat dan jauh bertentangan daripada matlamat penubuhannya.

"Sebab itulah, sejak mula lagi kami menaruh kesangsian kerana kami merasakan APEC akan memba-

yangi Asia Tenggara," ujar beliau.

Menyentuh rundingan Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) yang tertangguh, Dr. Mahathir berkata, APEC tidak layak membahaskan isu GATT kerana salah satu pihak yang terlibat dalam pertikaian itu ialah Amerika Syarikat.

Lagipun, kata beliau, APEC tidak mampu berbuat apa-apa kerana di kalangan negara-negara APEC sendiri terdapat percanggahan dan saling tuduh menuduh seperti Amerika dan Jepun.